



ABDULLAH Ahmad Badawi berjabat tangan dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi ketika mengadakan lawatan kerja ke negara itu bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara di Tokyo, semalam. — Gambar AP

Abdullah berharap langkah Kabinet diterima semua pihak

4/6/04 um ms 2

TOKYO 3 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap langkah segera diambil oleh Kabinet semalam terhadap nasib pelajar-pelajar cemerlang yang tercicir untuk mengikuti kursus perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dapat diterima oleh semua pihak.

Katanya, beliau tidak mahu lagi melihat pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka menimbulkan masalah lain pula apabila penga-gihan kepada calon-calon itu ke universiti-universiti dibuat kelak.

“Saya harap pelajar-pelajar dan ibu bapa dapat terima keputusan itu supaya ia dapat diselesaikan,” katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengakhiri lawatannya ke negara ini di sini, hari ini.

Kabinet memutuskan semua 128 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) cemerlang yang tidak ditawarkan mengikuti program perubatan di IPTA, diterima masuk ke fakulti itu.

Menurut Abdullah, Kabinet yang membincangkan panjang lebar mengenai isu itu turut menggariskan beberapa langkah jangka panjang bagi mengelakkan masalah itu berulang.

“Antaranya ialah meningkatkan kemampuan dan kemudahan bagi menampung penambahan calon-calon dalam bidang itu,” katanya.

Kabinet, katanya telah mengarahkan Kementerian Pengajian Tinggi menimbang mengambil doktor-doktor yang sanggup menjadi pensyarah berdasarkan pelantikan kontrak.

Abdullah mula membangkitkan isu ini apabila ditanya pemberita semasa lawatan rasminya ke China minggu lalu dengan memberitahu bahawa beliau akan memberikan pandangannya kepada Kabinet, yang bermesyuarat semalam, bagaimana untuk menyelesaikan masalah itu.

Berikutan keputusan Kabinet itu, semua pelajar berkenaan hanya perlu mendaftar di IPTA yang sudah ditetapkan dan kemudian membuat permohonan kepada pihak universiti untuk bertukar ke Fakulti Perubatan.

Jemaah menteri bersetuju supaya semua pelajar itu diberi pinjaman boleh ubah, sama ada oleh agensi kerajaan atau Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh, berkata Kabinet memutuskan perkara itu selepas berbincang panjang lebar mengenai permintaan ramai supaya kerajaan menimbang semula nasib 128 pelajar terbabit.

“Jemaah menteri bersetuju supaya pelajar terbabit diserapkan ke IPTA dalam tempoh dua tahun pertama (tahap praklinikal) dan selepas itu (pada

tahap klinikal) sama ada kekal di IPTA atau dihantar ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), bergantung kepada kekosongan.

“Berikutan itu, nisbah pensyarah dengan pelajar Fakulti Perubatan IPTA dan IPTS pada tahap klinikal akan ditingkatkan daripada 1:4 sekarang kepada 1:6. Ini bagi menjamin kualiti serta pengiktirafan Majlis Perubatan Malaysia (MMC),” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, semalam.

Semua 128 pelajar itu, yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 ditawarkan program lain seperti pergigian, farmasi, bioperubatan, mikrobiologi, kejuruteraan kimia dan genetik selepas gagal dalam permohonan untuk mengikuti program perubatan di IPTA tahun ini.

Mereka adalah antara 907 lulusan STPM dan matrikulasi yang mendapat PNGK 4.0 dan permohonan program perubatan sebagai pilihan pertama, tetapi gagal kerana hanya 779 tempat saja disediakan untuk program itu di IPTA tahun ini.

Kegagalan mereka mendapat tempat itu menimbulkan reaksi pelbagai pihak, malah ada kalangan tertentu melihatnya dari sudut perkauman walaupun pelajar terbabit terdiri daripada pelbagai kaum. — Utusan